



## NOTA PANDUAN MENGGISI BORANG CKHT 1A

Bil	Ruangan	Catatan
<b>AKUAN PELUPUSAN</b>		
1	Tahun Taksiran	Tahun harta tanah yang dilupuskan. Jika dilupuskan pada 01/06/2018. Oleh itu tahun taksiran ialah 2018.
2	Nama Pelupus	<p><b>Kes pelupusan biasa termasuk secara lelong</b></p> <p>Nama pelupus lengkap (Rujuk dokumen pelupusan). Pelupus terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Pelupus; atau</li><li>ii. Wasi; atau</li><li>iii. Pentadbir Harta Pusaka; atau</li><li>iv. Nominasi; atau</li><li>v. Pemegang Amanah.</li></ul> <p><b>Kes nomini</b></p> <p>Jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemilik harta tanah), oleh itu nama pelupus pada akuan adalah nama A (bertindak sebagai nomini).</p>
3	Tarikh	Tarikh pelupusan aset. (Rujuk kepada dokumen pelupusan)
4	Nama Pemeroleh	<p>Nama pemeroleh yang lengkap (Rujuk kepada dokumen pelupusan). Pemeroleh terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Pemeroleh; atau</li><li>ii. Wasi; atau</li><li>iii. Pentadbir Harta Pusaka; atau</li><li>iv. Nominasi; atau</li><li>v. Pemegang Amanah.</li></ul>

5	Tandatangan	<p>Pelupus perlu menandatangani borang ini. Pelupus terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelupus; atau</li> <li>ii. Wasi; atau</li> <li>iii. Pentadbir Harta Pusaka; atau</li> <li>iv. Nomini; atau</li> <li>v. Pemegang Amanah.</li> </ul> <p><b>Kes Nomini</b>, jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemilik harta tanah), Akuan perlu ditandatangani oleh A (bertindak sebagai nomini).</p> <p><b>Kes pelupusan secara lelongan</b>, perenggan 29 Jadual 2 ACKHT 1976, membolehkan bank menandatangani perakuan bagi pihak pelupus.</p> <p>Kegagalan menandatangani ruangan ini, membolehkan borang dianggap sebagai tidak lengkap.</p>
6	Tarikh	Tarikh Akuan ini ditandatangani.
<b>BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELUPUSAN</b>		
7	A1 hingga A10	<p>Isi maklumat pelupus. Pelupus terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelupus; atau</li> <li>ii. Wasi; atau</li> <li>iii. Pentadbir Harta Pusaka; atau</li> <li>iv. Nomini; atau</li> <li>v. Pemegang Amanah.</li> </ul> <p>Bagi ruangan A1, isikan nombor cukai pendapatan (jika ada). Jika tiada, pendaftaran nombor cukai pendapatan boleh dibuat melalui e-Daftar (<a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a>) atau di cawangan LHDNM berhampiran.</p> <p>Jika terdapat lebih daripada seorang pelupus, setiap pelupus perlul mengisi Borang CKHT 1A masing-masing dan melengkapkan nama pelupus lain d Lampiran 1.</p>

		<p><b>Kes Nomini</b></p> <p>Jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemilik harta tanah), maklumat pelupus yang perlu diisi adalah maklumat A (bertindak sebagai nomini).</p> <p>Bagi pelupusan secara lelongan, maklumat pelupus ialah maklumat tuan punya harta tanah berkenaan.</p>
8	A11 hingga A17	<p><b>Kes Nomini</b></p> <p>Jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemilik harta tanah), maklumat B sebagai prinsipal kepada nomini perlulah diisi dalam ruangan ini. Dalam pelupusan secara lelongan awam contoh lelongan dibuat oleh bank maklumat bank perlulah diisi pada ruangan ini.</p>
<b>BAHAGIAN B: MAKLUMAT PEMEROLEHAN</b>		
9	B1 HINGGA B5	<p>Isi maklumat pemeroleh seperti yang terdapat dalam dokumen pelupusan. Pemeroleh terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemeroleh; atau</li> <li>ii. Wasi; atau</li> <li>iii. Pentadbir Harta Pusaka; atau</li> <li>iv. Nomini; atau</li> <li>v. Pemegang Amanah</li> </ul> <p>Jika terdapat lebih daripada seorang pemeroleh, maklumat pemeroleh seterusnya perlu diisi pada Lampiran 2.</p> <p><b>Kes Nomini</b></p> <p>Jika dalam perjanjian menyatakan C bertindak sebagai nomini kepada D (pemeroleh harta tanah), maklumat pemeroleh yang perlu diisi adalah maklumat C (bertindak sebagai nomini).</p>

10	B6 HINGGA B11	Jika dalam perjanjian menyatakan C bertindak sebagai nomini kepada D (pemeroleh harta tanah), maklumat D sebagai prinsipal kepada nomini perlulah diisi dalam ruangan ini.
11	B12	Merujuk kepada transaksi pelupusan. Isikan nombor berkenaan dalam petak yang disediakan.
<b>BAHAGIAN C: MAKLUMAT HARTA TANAH</b>		
12	C1 HINGGA C13	<p>Seperti yang terdapat dalam dokumen aset yang dilupuskan.</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>Jika beberapa lot dilupuskan merujuk kepada lebih dari 1 aset dalam 1 S&amp;P maka borang berasingan perlu dikemukakan.</p>
<b>BAHAGIAN D: PENGIRAAN KEUNTUNGAN / KERUGIAN</b>		
13	D1 HINGGA D16	<p>Tarikh lupus dan tarikh pemeroleh serta harga balasan perlu dinyatakan pada ruangan berkaitan (rujuk kepada dokumen pelupusan).</p> <p>Merujuk kepada kes-kes pelupusan yang tertakluk di bawah subperenggan 12(2) Jadual 2 ACKHT 1976, berkuatkuasa mulai 01/01/2017 jika balasan adalah kasih sayang, harga pelupusan perlu diinput '0' sekiranya pelupus (donor) berstatus warganegara dan pemastautin tetap.</p> <p>Sebarang perbelanjaan dan kos sampingan yang dituntut perlulah disertakan dengan dokumen sokongan. Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan membolehkan borang dianggap tidak lengkap.</p> <p>Perbelanjaan yang dituntut adalah merujuk kepada perenggan 6 Jadual 2 ACKHT 1976.</p>

		<p><b>Pemindahmilikan aset kepada stok</b></p> <p>Pindah milik kepada stok adalah tertakluk kepada ACKHT dibawah perenggan 17A Jadual 2 ACKHT 1976.</p> <p>Harga perolehan adalah tertakluk kepada perenggan 4 Jadual 2 ACKHT 1976.</p> <p>Harga pelupusan adalah sama dengan nilai pasaran pada tarikh aset itu menjadi stok.</p>
<b>BAHAGIAN E: WANG MODAL YANG DITERIMA</b>		
14	E1 HINGGA E2	<p>Merujuk kepada kes-kes pelupusan yang tertakluk di bawah perenggan 8 Jadual 2 ACKHT 1976. Isi jika berkaitan dan kemukakan bersama dokumen sokongan.</p> <p><b>Contoh:</b></p> <p>Syarikat ABC mempunyai perjanjian dengan En. Y (pembayar cukai) untuk membina <i>overhead cable</i> melalui tanah milik En. Y. Di sini Syarikat ABC mempunyai <i>right to access</i> tanah berkenaan. En Y menerima sejumlah wang sebagai balasan dan nilai balasan ini tertakluk kepada pengenaan cukai (Perenggan 8 Jadual 2 ACKHT 1976).</p>
<b>BAHAGIAN F: AMAUN DIBAYAR OLEH PEMEROLEH KE LHDNM</b>		
15	F1 HINGGA F3	Perlu diisi jika maklumat telah diperolehi daripada pemeroleh.
<b>BAHAGIAN G: BUTIR-BUTIR PEGUAM / EJEN CUKAI</b>		
16	G1 HINGGA G6	Isikan maklumat peguam / ejen cukai pada ruangan ini.

17	Lampiran 1	Maklumat pelupus yang lain.
18	Lampiran 2	Maklumat pemeroleh yang lain.
19	Lampiran 3	Kaedah pengiraan cukai keuntungan harta tanah bagi pelupusan mulai tahun taksiran 2016.
20	Lampiran 4	Kaedah pengiraan cukai keuntungan harta tanah bagi pelupusan mulai tahun taksiran 2014 dan 2015.
21	Lampiran 5	Kaedah pengiraan cukai keuntungan harta tanah bagi pelupusan mulai tahun taksiran 2010 sehingga 2013.
22	Lampiran 6	<p>Jika pelupus memilih pengecualian cukai di bawah seksyen 8 ACKHT 1976, Borang perakuan pemilihan seksyen 8 ACKHT 1976 perlu dikemukakan bersama borang CKHT 1A.</p> <p>Pelupus perlu merujuk kepada syarat-syarat permohonan berkenaan.</p>